



Benda bulat ini, yang telah menyinari langit terang benderang, telah menggemparkan penduduk Iskandariah sehingga disangkakan “Laylatul Qadr” - Gambar menurut khayal pelukis “al-Maswir”.

LAYLATUL QADR DI ISKANDARIAH?!

Baru-baru ini, penduduk Iskandariah telah gempar pada malam hari. Kerana dengan tidak semena-mena langit telah menjadi terang benderang disinari oleh suatu benda boleh yang tak dapat dikenal dan masih menjadi tanda tanya ada yang menyangkalkan “Laylatul Qadr” dan ada pula yang mengatakan “piring terbang”.

Setahun dahulu, kita di Malaya pernah heboh dengan piring terbang, beritanya tidak putus-putus menjadi siaran akhbar. Demikian pula halnya dilayan-layang bahagian dunia – di Amerika. Di Eropah, di Australia dan merata-rata. Dan sekarang heboh pula di Mesir.

Tiga orang ahli pengetahuan Mesir telah ditanya berkenaan rahsia “piring terbang” yang menggemparkan itu, pertama:

Doktor Ahmad Zakī bekas ketua Universiti Qaerah dan seorang ahli Sains Mesir yang terkenal, kedua: Tuan Maḥmūd Hāmid bekas ketua agung bagi Jabatan penerangan bintang dan ketiga: Doktor ‘Azūz Isma‘īl huru alam bumi di Universiti Qaerah.

Doktor Ahmad Zakī tidak percaya tentang piring terbang itu kerana katanya, segala berita dan ceritanya



Mereka ini ialah di antara beratus-ratus orang penduduk Iskandariah yang telah menyaksikan peristiwa yang menggemparkan itu. "Benda itu boleh dan memancarkan cahaya terang benderang". Kata Isma'īl Nasr (kiri). "Saya sangka itu Laylatul Qadr lalu saya segera berdia dan bermohon limpah kurnia tuhan". Kata pula 'Abdul Raḥman 'Abdullāh (kanan).

*

tidak boleh dipegang. Biasanya sesuatu cerita itu dihebahkan oleh seorang kemudian kembang menjadi sepuluh orang. Yang sepuluh menjadi seratus, seribu, puluh ribu dan terus merebak merata-rata.

Kira-kira empat tahun yang lalu di Amerika telah terbentuk satu benda penyiasat tentang ini tetapi tidak ada apa-apa hasilnya. Saya ada terbaca – Kata doktor Aḥmad Zakī – Kononnya ada orang pernah melihat kuda ter dan bang, ular terbang tetapi akhirnya ketara kepada mereka bahawa itu tidak lain daripada kapal terbang.

Atas apa-apa hal pun – katanya lagi – cerita-cerita dongeng yang tidak berbahaya. Ada juga gunanya – menjadi hiburan.

Doktor 'Azūz Isma'īl pula mengatakan "piring terbang" yang dihebohkan orang yang sebenarnya ialah sejenis "mega". Oleh kerana mega selalu kelihatan dibahagikan utara dunia

maka tidaklah pelik kalau "piring-piring terbang" itu selalu kelihatan dinegeri-negeri yang terletak disebalah utara.

Tuan Muḥammad Ḥāmid pula percaya akan wujudnya "piring terbang" itu tetapi katanya dari buatan penduduk dunia kita ini, ia menggalakkan fikiran setengah orang yang mengatakan datangnya dari bintang bumi Marikh dan membawa orang-orang dari penduduk bintang tersebut kerana hendak meninjau dunia kita.

"Saya tetap percaya itu ialah piring terbang rekaan zaman atom yang sengaja dirahsiakan". Katanya lagi sebagai penutup.

BUKU-BUKU KELUARAN BAHARU

Dengan pertolongan buku-buku yang tersebut dibawah ini tuan-tuan boleh menjukan perusahaan tuan-tuan sendiri. Buku mengambil gambar cara-cara moden, buku membuat dakwat, kicap, sabun mentah dan boleh menyalin gambar fotografi di cermin dengan pertolongan RMC ini tuan-tuan boleh membaiki motokar, motorsikal dan boleh dapat faham trafik signal. Pelajaran membuat sabun 7 jenis. Jika tuan-tuan berhajat beruruslah kepada:
Post Box No: 161 PENANG